

**GARIS PANDUAN PERUBAHAN STRUKTUR  
SYARIKAT PENGENDALIAN PELANCONGAN / AGENSI PENGEMBARAAN**

---

- 1) Struktur syarikat adalah seperti berikut:
  - **Ahli Lembaga Pengarah**
  - **Pemegang Saham**
  - **Lokasi Syarikat**
  - **Modal Berbayar**
  - **Nama Syarikat.**
  
- 2) Syarikat **tidak perlu memohon** kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan terlebih dahulu **sebelum melakukan perubahan**. Bagaimanapun syarikat perlu **memaklumkan Kementerian** dalam tempoh **14 hari selepas** perubahan dilakukan.
  
- 3) **Syarat-syarat Perubahan** :
  - i. Beroperasi sekurang-kurangnya **2 tahun**
  - ii. Perubahan **Ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Saham**
    - Tidak melibatkan individu yang telah **disenaraihitamkan**.
    - Ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Saham di satu syarikat pelancongan **tidak dibenarkan** mempunyai syarikat pelancongan yang lain selain lesen cawangan.
  - iii. Perubahan **Nama syarikat**
    - Melambangkan aktiviti pelancongan cth: travel, tours, holiday, adventure dsb.
  - iv. Perubahan **Modal Berbayar**
    - Mematuhi garis panduan seperti di Lampiran
  - v. Perubahan lokasi syarikat
    - Mematuhi garis panduan seperti di Lampiran
  
- 4) **Dokumen yang diperlukan** :
  - i. Perubahan Ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Saham
    - Salinan Borang 24
    - Salinan Borang 49
    - Salinan Borang 32A (perubahan saham melibatkan pemindahan hak milik saham)
    - Salinan Kad pengenalan Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham (baru)
    - Dua (2) keping Gambar berukuran pasport terkini Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham (Baru).
  
  - ii. Perubahan Nama Syarikat
    - Salinan Borang 13
    - Lesen asal untuk dipinda
  
  - iii. Perubahan Modal berbayar
    - Salinan Borang 49
  
  - iv. Lokasi syarikat
    - Lesen asal untuk dipinda
    - Dokumen pindah lokasi yang diperlukan :
      - Gambar dalam/luar pejabat
      - Pelan Lantai
      - Perjanjian sewa-beli pejabat

**GARIS PANDUAN SYARAT-SYARAT LESEN BAGI PEGANGAN SAHAM DAN MODAL BERBAYAR OLEH WARGANEGARA MALAYSIA/ASING DALAM SYARIKAT PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN AGENSI PENGEMBARAAN**

<b>BIL.</b>	<b>JENIS LESEN</b>	<b>MILIKAN</b>		<b>PEGANGAN SAHAM MAKSIMUM DIBENARKAN</b>	<b>MODAL BERBAYAR</b>
1)	Inbound & Ticketing	<b>(Individu / Syarikat) Asing</b> –Negara ASEAN		49%	RM250,000
		<b>(Individu / Syarikat) Asing</b> –Negara Bukan ASEAN		30%	
2)	Inbound	<b>Syarikat Asing</b> (ASEAN & Bukan ASEAN)		100%	RM500,000
3)	Outbound	<b>(Individu / Syarikat) Asing</b> –Negara ASEAN		Tidak Dibenarkan	Tidak Berkaitan
		<b>(Individu / Syarikat) Asing</b> –Negara Bukan ASEAN			
4)	Inbound, Outbound & Ticketing	Bumiputera (B)	Luar Bandar & Bandar	100	RM200,000
		Bukan Bumiputera (BB)			
		Syarikat Tempatan (ST)			
5)	Inbound	(B/ BB/ ST)	Luar Bandar	100	RM50,000
		(B/ BB/ ST)	Bandar		RM200,000
6)	Inbound & Ticketing	(B/ BB/ ST)	Luar Bandar		RM150,000
		(B/ BB/ ST)	Bandar		RM200,000
7)	Inbound & Outbound	(B/ BB/ ST)	Luar Bandar		RM200,000
		(B/ BB/ ST)	Bandar		
8)	Ticketing	(B/ BB/ ST)	Luar Bandar		RM100,000
		(B/ BB/ ST)	Bandar		RM200,000
9)	Outbound & Ticketing	(B/ BB/ ST)	Luar Bandar		RM200,000
		(B/ BB/ ST)	Bandar		